

**LATIH TUBI BACAAN DALAM MEMBANTU MURID PEMULIHAN MENGUASAI  
KEMAHIRAN HURUF VOKAL AWALAN**

Oleh

**Dayang Norhafizah Bt Abang Shamat**  
dayangnorhafizah@gmail.com

**ABSTRAK**

*Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh manakah penggunaan kaedah membaca secara latih tubi dapat membantu seorang murid pemulihan khas bernama Jeff yang masih belum menguasai kemahiran membaca dengan baik khususnya kemahiran huruf vokal awalan iaitu ‘a,e,i,o,u’ di samping meningkat amalan pengajaran dan pembelajaran saya. Temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen digunakan untuk mengumpul data kajian. Dalam penyelidikan tindakan ini, saya telah membuat penganalisisan data melalui analisis kandungan dan analisis data. Setelah menjalankan bimbingan selama 3 bulan, hasil analisis data mendapat teknik latih tubi yang digunakan dapat meningkatkan penguasaan kemahiran membaca Jeff. Kajian ini memberi impak positif kepada penyelidik, murid pemulihan dan sekolah. Kaedah membaca secara latih tubi juga membantu saya menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya selaku guru pemulihan.*

*Kata kunci:* huruf vokal awalan, latih tubi, kaedah membaca, kemahiran membaca, murid pemulihan khas.

**ABSTRACT**

*This research is to see the effectiveness drilling in helping remedial student named Jeff who has not mastered in reading skill especially in initial vowel letters ‘a,e,i,o,u’. The data was collected through observation, interview and content analysis. In this action, research, analysis of data was conducted using content and pattern. After 3 months guiding, analysis data showed that drilling improved Jeff’s reading. This study has positive impact towards the researcher, the remedial student and the school. Drilling in has helped in improving my teaching and learning practices as a remedial teacher.*

*Keywords :* vowel letters, drilling, reading skills, remedial student.

## PENGENALAN


### Konteks

Saya ialah seorang guru pelatih yang mengambil opsyen Pemulihan Bahasa Melayu dan Matematik. Saya telah menjalani tiga kali praktikum iaitu praktikum fasa I di kawasan bandar Kuching, praktikum fasa II di kawasan pedalaman di daerah Simunjan selama lapan minggu dan praktikum fasa III, saya telah ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Riang, bandar Kuching. Di kelas pemulihan Sekolah Kebangsaan Riang, saya mengajar subjek Bahasa Melayu untuk Tahun 2 dan subjek Matematik untuk Tahun 3. Bilangan murid adalah lapan orang sahaja. Selama 24 minggu menjalani latihan praktikum, saya mendapati murid-murid pemulihan kurang minat untuk belajar dan kerap ponteng sekolah. Dari pemerhatian saya, murid-murid pemulihan kurang keyakinan diri, kurang menjaga kebersihan diri, suka merayau-rayau di dalam kelas dan cepat jemu untuk belajar. Lantaran itu, saya hendak memperbaiki kaedah pengajaran saya dengan mengadakan aktiviti permainan dan menggunakan bahan bantu mengajar yang menarik dan sesuai dengan tahap kecerdasan murid di dalam kelas pemulihan.

### Fokus kajian

Kajian saya berfokuskan kepada seorang murid, Jeff dalam kelas pemulihan yang menghadapi kesukaran dalam menguasai kemahiran huruf vokal awalan ‘a,e,i,o,u’. Berdasarkan Ujian Diagnostik yang telah dilaksanakan, keputusan ujian Jeff adalah di tahap sederhana. Daripada pemerhatian semasa melaksanakan p&p, permasalahan yang dihadapi oleh Jeff adalah gagal menguasai kemahiran huruf vokal awalan semasa membaca ayat pendek. Keadaan ini membuatkan saya berasa bimbang dan mula mencuba teknik latih tubi dalam membantu Jeff membaca.

Rajah 1 merupakan contoh kemahiran huruf vokal dalam Ujian Diagnostik.



Rajah 1.Kemahiran Huruf Vokal Awalan ‘i’ dalam Ujian Diagnostik Bahasa Melayu.

Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/

27 & 28 September 2012/ IPG KBL

Jeff sepatutnya menulis huruf vokal ‘i’ dan bukannya huruf vokal ‘e’ untuk mengisi tempat kosong perkataan itik. Masalah ini juga sering dilakukan oleh Jeff apabila membuat lembaran kerja huruf vokal yang lain. Didapati Jeff keliru dengan bunyi huruf vokal yang hampir sama kerana huruf vokal ‘i’ dan huruf vokal ‘e’ apabila disebut akan menghasilkan bunyi yang hampir sama seperti ‘itik’ atau ‘etek’.

### **Tujuan Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk membantu seorang murid pemulihan bernama Jeff menguasai kemahiran huruf vokal awalan ‘a,e,i,o,u’ melalui kaedah latih tubi bacaan. Di samping itu, saya ingin menambahbaik amalan pengajaran saya sebagai seorang guru pemulihan dalam membantu Jeff untuk menguasai kemahiran huruf vokal awalan melalui kaedah membaca secara latih tubi.

### **Persoalan Kajian**


Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan berikut :

- Sejauhmana penggunaan kaedah membaca secara latih tubi dapat membantu seorang murid pemulihan dalam menguasai kemahiran huruf vokal awalan?
- Bagaimanakah penggunaan kaedah membaca secara latih tubi yang diaplifikasi dalam menguasai kemahiran huruf vokal awalan dapat membantu menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran saya?

### **Perancangan dan Pelaksanaan Tindakan**

Menurut Teori Pembentukan Konsep oleh Jerome Burner, beliau menyatakan bahawa pembelajaran dihuraikan sebagai perubahan dalam pengetahuan yang disimpan di dalam memori. Melalui teori ini, saya cuba mengaplikasikan kepada Jeff untuk melihat perkembangan dan mengenalpasti kelemahan beliau. Secara ringkasnya, murid perlu dibimbing dalam memahami sesuatu bermula dari yang khusus kepada yang kompleks.

Saya merancang beberapa tindakan untuk dilaksanakan selama tiga bulan iaitu dari 1 Februari hingga 27 April 2012. Untuk langkah awal, saya membuat pemerhatian awal sebelum melaksanakan kajian saya. Saya memberi lembaran kerja huruf vokal awalan ‘a,e,i,o,u’ kepada Jeff sebelum dan selepas untuk mengesan perkembangan kemajuan Jeff dalam menguasai kemahiran huruf vokal awalan.




Rajah 2.Lembaran kerja awal Jeff.

Kaedah membaca secara latih tubi yang dijalankan secara berperingkat-peringkat mengikut prosedur pelaksanaan kemahiran membaca iaitu bermula dari mengenal huruf vokal, membaca perkataan, membaca ayat, dan seterusnya membaca petikan.

**Langkah 1 : Membunyikan huruf vokal awalan ‘a,e,i,o,u’ secara latih tubi**


Latih tubi ini juga dikenali sebagai latih tubi aspek sebutan dimana saya melatih Jeff menyebut huruf vokal awalan iaitu ‘a,e,i,o,u’ dengan menggunakan kad huruf vokal. Teknik latih tubi ini dilaksanakan selama 1 minggu selama sepuluh minit diperuntukkan untuk setiap hari. Saya mengimbaskan kad huruf vokal ‘a’ terlebih dahulu di hadapan Jeff. Seterusnya saya meminta Jeff menyebut huruf vokal ‘a’ secara latih tubi sebanyak 5 kali. Setelah itu baharulah saya membunyikan vokal ‘a’ seperti ‘a’ bunyinya ‘aaaa’, ‘e’ bunyinya ‘eeee’, ‘i’ bunyinya ‘eeee’, ‘o’ bunyinya ‘ooo’ dan ‘u’ bunyinya ‘uuuu’ dan diikuti oleh Jeff. Ia dilaksanakan bertujuan untuk melatih Jeff menyebut huruf vokal vokal ‘a,e,i,o,u’ dengan sebutan yang betul secara berulang-ulang sebanyak lima kali bagi mengekalkan ingatannya terhadap huruf vokal tersebut. Latih tubi ini diulang bagi huruf vokal yang lain dan dilaksanakan sehingga Jeff dapat menguasai huruf vokal dengan sebutan bunyi yang betul.



Rajah 3.Jeff sedang menyebut dan membunyikan huruf vokal awalan secara latih tubi.

### **Langkah 2: Membaca kad perkataan huruf vokal awalan secara latih tubi.**

Saya memberi kad perkataan huruf vokal awalan iaitu ‘epal’. Terlebih dahulu saya membaca kad perkataan ‘epal’ secara berulang-ulang sebanyak lima kali. Jeff akan membaca lima kali untuk setiap perkataan yang ditunjukkan. Didapati Jeff masih mengeja perkataan ‘epal’. Setelah menggunakan teknik latih tubi dan didapati Jeff dapat membaca perkataan ‘epal’ dengan lancar dan suara yang jelas. Seterusnya, saya memberi kad perkataan lain iaitu ‘enak’ ‘makan’, ‘merah’ untuk kitaran seterusnya iaitu selama 15 minit dan latih tubi bacaan sebanyak 5 kali.



Rajah 4. Jeff membaca kad perkataan secara latih tubi sehingga dia tidak mengeja perkataan lagi.

### **Langkah 3: Membaca kad ayat vokal awalan secara latih tubi.**

Latih tubi yang digunakan adalah jenis latih tubi aspek struktur ayat. Latih tubi jenis ini membimbing Jeff menguasai kemahiran membina ayat. Ia bertujuan untuk mengukuhkan lagi penguasaan Jeff menyebut dan membunyikan perkataan dengan sebutan yang betul. Sebagai contoh ‘epal merah ini enak’. Dalam aktiviti

ini, Jeff diminta untuk membaca kad ayat secara berperingkat. Proses ini berterusan selama 30 minit sehingga Jeff dapat mengenal dan membaca ayat tanpa tersekat selama lima hari. Selama tempoh pelaksanaan, didapati Jeff telah menunjukkan kemajuan dalam penguasaan kemahiran membaca. Selain itu, aktiviti ini membantu Jeff mengingat dan membetulkan kesilapan semasa menyebut huruf

vokal awalan terutamanya vokal ‘e’ pepet dan ‘e’ taling selama tempoh 3 bulan perlaksaan penyelidikan tindakan ini.



Rajah 5.Jeff membaca kad ayat secara berperingkat.

**Langkah 4: Membaca kad petikan huruf vokal awalan secara latih tubi.**

Aktiviti ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi penguasaan kemahiran membaca petikan dengan sebutan yang betul dan jelas. Dalam latih tubi bacaan petikan, saya menyuruh Jeff membaca kad petikan yang diberikan. Tempoh pelaksanaan adalah selama 15 minit setiap hari sebelum sesi p&p bermula dan bergantung kepada kelancaran bacaan Jeff.



Rajah 6. Jeff sedang menunjukkan perkataan ‘epal’ sebelum membaca kad petikan yang diberikan.

**Langkah 5: Memberi latihan pengukuhan akhir huruf vokal awalan.**

Setelah membaca kad petikan dengan lancar, saya memberikan Jeff latihan pengukuhan bagi mengesan perkembangan Jeff dalam menguasai huruf vokal

*Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012/*

*27 & 28 September 2012/ IPG KBL*

awalan. Latihan adalah berbentuk lembaran kerja dan aktiviti lisan iaitu Jeff menyebut huruf vokal awalan secara satu persatu dan beserta contoh. Hasilnya, Jeff dapat menyebut huruf vokal ‘a,e,i,o,u’ satu persatu dan diikuti dengan bunyi sebutan huruf vokal ‘a,e,i,o,u’ tersebut. Seterusnya,saya meminta Jeff membaca kad petikan tanpa mengeja. Jeff membaca lambat iaitu berada pada tahap sederhana tetapi sudah boleh membaca dengan baik tanpa bimbingan guru.



Rajah 7.Jeff sedang tekun membuat latihan dalam lembaran kerja.

### Peserta Kajian

Kajian ini melibatkan saya dan seorang murid pemulihan yang bernama Jeff. Prestasi akademik kemahiran membaca Jeff adalah berada dalam tahap yang lemah. Oleh itu, Jeff telah dipilih sebagai peserta kajian saya.

### Teknik Mengumpul Data

Saya telah menggunakan tiga kaedah untuk pengumpulan data kajian saya iaitu pemerhatian, perbualan dan analisis dokumen. Ketiga-tiga kaedah ini dapat membantu saya dalam menjawab persoalan kajian saya.

### Pemerhatian

Dalam kajian ini, pemerhatian saya adalah memfokuskan kepada gerak-geri dan hasil kerja murid saya semasa melaksanakan aktiviti latih tubi bacaan yang telah dijalankan di kantin sekolah. Saya juga meminta bantuan daripada rakan untuk mengambil gambar dan merakam video semasa melaksanakan aktiviti membaca. Rakaman video diguna untuk mendapat maklumat terperinci bagi mendengar sebutan Jeff semasa melaksanakan aktiviti dan membantu saya mengesan kesilapan yang dilakukan oleh Jeff.

Jadual 1. Rekod pemerhatian terhadap Jeff pada 21 Februari 2012.

Tingkah laku murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran			
No	Perkara	Ada	Tiada
1	Memberi respon kepada guru semasa sesi soal jawab.	✓	
2	Duduk di tempat sendiri dan buat kerja.		X
3	Duduk di tempat rakan lain.		X
4	Duduk di tempat sendiri semasa guru sedang mengajar.	✓	
5	Berjalan di dalam kelas.	✓	
6	Bercakap dengan rakan sebelah.	✓	
7	Menumpukan perhatian pada sesi p & p.	✓	
8	Meminjam alat tulis daripada rakan.	✓	
9	Sering mengasah pensel.	✓	

Hasil kerja murid			
10	Kemas dan bersih.		X
11	Sentiasa hantar latihan selepas p & p.	✓	
12	Membuat pembetulan pada soalan yang salah dengan segera.		X

### Perbualan

Temubual dilaksanakan secara ringkas selama 5 minit bersama peserta kajian dan temubual bersama guru pemulihan dijalankan selama 10 minit di dalam kelas pemulihan untuk mengumpul maklumat mengenai Jeff. Manakala temubual bersama Jeff dilakukan sepanjang proses pelaksanaan tindakan ini.

### Analisis Dokumen

Hasil kerja murid, rekod prestasi murid, ujian Diagnostik dan ujian Sumatif adalah dokumen-dokumen yang dianalisis. Ujian Diagnostik dilakukan bagi mencari punca kelemahan murid manakala ujian Sumatif dilaksanakan bagi mengesan perkembangan kemajuan murid dalam sesuatu kemahiran.

### Teknik Menganalisis Data

Daripada rekod pemerhatian, saya mendapati murid saya belajar dengan lebih baik dan seronok melakukan aktiviti dan melibatkan diri dengan aktif dalam proses p&p saya. Dalam analisis pola, saya meneliti rakaman video dan mencatat perkara penting seperti pola tingkah laku yang berulang dan kesilapan sebutan semasa melaksanakan aktiviti tersebut seperti yang terdapat dalam Jadual 2 dibawah.

Kategori / Aktiviti :	Tingkah laku berulang :	Kesilapan sebutan :
Aktiviti 1: Menyebut dan membunyikan huruf vokal 'a,e,i,o,u' secara latih tubi	<p>Murid memandang muka saya beberapa kali untuk memastikan an sebutannya ya betul.</p> <p>Murid memandang kiri dan kanan.</p> <p>Murid menoleh ke tempat lain.</p>	<p>Huruf vokal 'e' pepet Huruf vokal 'e' taling Bunyi huruf 'i'</p>
Aktiviti 2: Membaca kad perkataan huruf vokal awalan secara latih tubi	<p>Murid memandang muka saya beberapa kali untuk memastikan an sebutannya ya betul.</p> <p>Murid memandang kiri dan kanan.</p>	<p>Perkataan : 'epal' 'enak' 'merah'</p>
Aktiviti 3: Membaca kad ayat huruf vokal awalan secara latih tubi	<p>Murid memandang muka saya beberapa kali untuk memastikan an sebutannya</p>	<p>Ayat: 'epal merah ini enak'.</p>

	ya betul. Murid menoleh ke tempat lain.	
Aktiviti 4: Membaca kad petikan huruf vokal awalan secara latih tubi	Murid memandang muka saya beberapa kali untuk memastikan sebutannya betul. Murid menoleh ke tempat lain.	Perkataan : 'epal' 'enak' 'emak'
Aktiviti 5 : Memberi lembara n kerja akhir huruf vokal awalan secara latih tubi	Murid senyum. Sering memadam jawapan yang salah.	-

Jadual 1: Rekod analisis pola tingkah laku berulang dan kesilapan sebutan oleh Jeff.

Didapati semasa melaksanakan aktiviti bahawa Jeff sering menoleh ke kiri dan ke kanan. Jeff kelihatan gelisah kerana sering diperhatikan oleh saya. Dia juga kelihatan tidak yakin dengan petikan yang dibaca kerana takut salah. Keyakinan

diri Jeff amat kurang dan saya berusaha untuk membantu Jeff dengan memberi motivasi dan galakkan seperti berani mencuba dan yakin pada diri.


### Teknik Menyemak Data

Triangulasi kaedah dan triangulasi sumber digunakan untuk menyemak data. Dalam triangulasi kaedah, saya menggunakan kaedah temubual dan ujian Diagnostik dan ujian Sumatif. Contoh soalan temubual adalah seperti dalam jadual dibawah.

Bil	Soalan-soalan	Jawapan murid
1 .	Adakah kamu suka melaksanakan aktiviti ini?	Suka. Jeff mengangguk kepala.
2 .	Apakah huruf vokal yang kamu sukar untuk disebut?	Banyak.
3 .	Adakah kamu selesa dengan keadaan tempat duduk kamu sekarang?	Selesa. Tapi cikgu selalu lihat saya.

Jadual 2.Sesi temubual ringkas yang dijalankan terhadap Jeff selepas pelaksanaan aktiviti.

Triangulasi sumber adalah dari guru pembimbing dan rakan penyelidik dimana saya meminta beliau untuk turut serta melihat perkembangan Jeff semasa p&p beliau.



Rajah 9: Lembaran kerja yang telah disemak dan dibuat pembetulan bersama Jeff.(21 Februari 2012)

#### Refleksi Dapatan

- a) Sejauhmana penggunaan kaedah membaca secara latih tubi dapat membantu seorang murid pemulihan menguasai kemahiran huruf vokal awalan?

Hasil daripada bimbingan yang telah diberikan dengan menggunakan teknik latih tubi, saya dapat menguasai kemahiran membaca dengan lebih baik. Namun, Jeff masih melakukan kesalahan menyebut bunyi huruf vokal 'e' pepet dan 'e'taling. Oleh yang demikian, saya telah melatih Jeff supaya mengingat bunyi sebutan huruf vokal 'e' dengan memberikan contoh perkataan yang berbeza iaitu 'e' pepet untuk 'emak' dan 'e' taling untuk 'epal.'

- b) Bagaimanakah penggunaan kaedah membaca secara latih tubi dalam menguasai kemahiran huruf vokal awalan dapat membantu menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran saya?

Melihat perkembangan Jeff dapat membaca perkataan 'epal', 'merah' tanpa mengeja lagi membuatkan saya semakin teruja untuk meneruskan kajian ini. Di

samping itu, Jeff juga tidak segan untuk berjumpa dengan saya dan bertanyakan soalan apabila menghadapi masalah dalam pembelajarannya. Selain itu, saya telah berjaya mempelbagaikan kaedah dan teknik dalam p&p saya seperti penggunaan slaid powerpoint animasi, teknik nyanyian dan teka teki dalam set induksi,kaedah pandang dan sebut dan lain-lain. Dalam pada itu, penggunaan teknik latih tubi dalam kemahiran membaca amat sesuai untuk peserta kajian yang mempunyai daya ingatan yang lemah kerana dapat mengekalkan ingatan murid dan melatih murid dalam kemahiran bertutur serta merta. Dalam pada itu, saya berasa bangga kerana telah menggunakan kaedah dan teknik yang dapat membantu murid pemulihan saya belajar dengan lebih baik sepanjang menjalani tiga kali praktikum ini.

### **Refleksi Pembelajaran Kendiri**

Melalui penyelidikan tindakan, saya telah belajar untuk menjadi seorang guru pemulihan yang penyabar, sentiasa kreatif dan motivasi untuk membantu murid dalam kemahiran membaca. Saya telah belajar cara merekod data secara sistematik serta dapat mengetahui perkembangan prestasi dan melihat keberkesanan teknik latih tubi yang digunakan. Penyelidikan tindakan juga memberi kesan positif kepada murid saya. Selain membantu murid saya mahir dalam membaca, saya juga dapat menambah baik teknik pengajaran saya di dalam bilik darjah. Pelbagai aktiviti yang menarik seperti permainan bowling huruf dan memancing suku kata telah dilaksanakan selama 15 minit iaitu dalam aktiviti proses pengajaran dan pembelajaran untuk menarik minat murid pemulihan untuk belajar dengan lebih tekun dan bersemangat.

Melalui penyelidikan, saya dapat menjalin hubungan erat dengan warga sekolah samaada pentadbir sekolah, guru-guru, pembantu sokongan dan pekerja am. Hubungan ini terjalin sehingga kini kerana mereka banyak memberikan bantuan dan ilmu pengetahuan yang amat membantu dalam melaksanakan tindakan saya dengan lebih sempurna dan sistematik.

### **Cadangan kajian lanjutan**

Sepanjang masa saya menjalani penyelidikan, saya mendapati masalah yang dialami oleh peserta kajian saya semakin berkurangan berdasarkan kepada rekod ujian dan lembaran kerja murid. Kitaran penyelidikan tindakan seterusnya akan memperbanyakkan latihan membaca dan memberikan latihan sebagai latih tubi bagi mengukuhkan pemahaman murid mengenai sesuatu kemahiran yang masih belum dikuasai dengan sepenuhnya. Kaedah lain yang boleh digunakan untuk membantu murid pemulihan menguasai kemahiran membaca adalah seperti kaedah pandang dan sebut. Kaedah ini sesuai kepada murid pemulihan memandangkan tahap penguasaan mereka berada dalam tahap yang rendah. Oleh itu, pelbagai bahan bantu mengajar perlu direka dan inovasi dalam pedagogi juga harus dititikberatkan supaya murid-murid dapat menguasai pembelajaran dengan sebaiknya.

### Rujukan

- Cathy John. (2009). *Kaedah Sebut, Eja dan Bunyikan*. Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPG KBL Tahun 2009. ms 113-120.
- Flick. (2006). *An Introduction To Qualitative Research Third Edition*. Sage Publications.
- Hilary Awan. (2005)“*Bacalah Sayang*”. Koleksi Laporan Penyelidikan Tindakan tahun 2005.
- Meinon Binti Sanai. (2009). *Celik Huruf: Lancar Baca*. Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPG KBL Tahun 2009. ms 102-112.
- Syed Abu Bakar Syed Akil. (1997). *Bimbingan Khas: Perkhidmatan Pendidikan Pemulihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tay Guan Chai. (2005). *Latih Tubi Membantu Kami*. Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2005.